

27 JAN 1999

PETRONAS-PENGELUARAN

PETRONAS TIDAK CADANG KURANGKAN PENGELUARAN MINYAK

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Petronas tidak bercadang untuk mengurangkan pengeluaran minyak walaupun harga minyak mentah pada masa ini berada di tahap yang paling rendah dalam sejarah, kata Ketua Pegawai Eksekutif Tan Sri Mohd Hassan Marican, hari ini.

Sekarang, Petronas terus dapat menjana pendapatan sementara rakan Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC)-nya masih berjaya mencatat keuntungan, katanya kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian PSC dengan Murphy Oil Corporation dari Amerika Syarikat, di sini.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara boleh mengurang atau menghentikan pengeluaran minyak jika harganya jatuh terlalu rendah.

Hassan berkata mengurangkan pengeluaran akan memberi kesan kepada simpanan minyak dan kemudahan pengeluaran, lagi pun jumlah pengeluaran eksport Malaysia adalah rendah berbanding jumlah minyak yang ada di pasaran dunia.

Malaysia kini mengeluarkan 630,000 tong minyak mentah sehari (bpd), di mana 400,000 bpd daripadanya dieksport.

Hassan menjelaskan bahawa kadar tukaran ringgit yang kini ditetapkan pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika, juga dapat mengurangkan kesan harga minyak mentah yang rendah.

Tambahan pulan, kualiti minyak mentah tempatan yang tinggi dan kandungan sulfurnya yang rendah telah membolehkan minyak Malaysia mendapatkan harga yang agak tinggi berbanding minyak yang dikeluarkan oleh negara-negara lain, katanya.

Beliau juga berkata harga minyak ada naik-turunnya. Ia mengalami kemerosotan pada akhir 1997 selepas menikmati masa-masa yang menguntungkan pada 1996 dan awal 1997.

Harga minyak mentah pada awal 1997 adalah AS\$25.60 setong berbanding dengan AS\$16.80 pada akhir tahun itu.

Pada Isnin, nilai rujukan pasaran terbuka yang digunakan oleh Pertubuhan Negara-Negara Pengeluar Minyak (OPEC) adalah AS\$10.69 setong.

"Kami akan terus memantau situasi ini," kata Hassan sambil berkata harga minyak sekarang belum mencecah tahap yang memaksa kajian semula PSC Petronas.

Beliau berkata kontraktor PSC seperti Esso dan Shell juga merupakan pengguna minyak mentah utama dalam operasi hilirannya yang mendapat manfaat daripada harga minyak yang rendah.

Kegiatan penerokaan minyak di Malaysia, katanya, tidak dijangka menerima kesan ketara daripada harga minyak yang rendah kerana Malaysia tidak disifatkan sebagai kawasan kos tinggi.

"Kos penggerudian dan perkhidmatan lain telah jatuh," katanya.

Beliau juga berkata penerokaan adalah perniagaan jangka panjang dan pada puratanya, ia mengambil masa lapan tahun sebelum menemui minyak.

Hassan menambah bahawa walaupun PSC Petronas PSC meletakkan syarat yang ketat kepada pasara kontraktornya, ia terus menarik syarikat minyak asing.

Mengenai kemungkinan penetapan tukaran ringgit diubah, beliau berkata Petronas mempunyai perlindungan semulajadi kerana pendapatan dan pinjamannya dibuat dalam dolar Amerika.

"Apa yang membimbangkan kami adalah ke mana arah harga minyak," katanya.

-- BERNAMA

AD JR